

05/02/1999

Azhar Mansor di utara Sumatera

Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Khamis - Pelayar, Azhar Mansor, kini berada di perairan utara Sumatera selepas menempuh laluan sejauh 276 batu nautika sejak memulakan percubaannya mengelilingi dunia dari sini, Selasa lalu.

Menurut jurucakap pangkalan darat di Hotel Awana Porto Malai, di sini, Azhar, 40, membuat panggilan harian jam 4 pagi ini dan memaklumkan dia berada dalam keadaan sihat dan bersemangat tinggi.

"Dia juga ada melaporkan kesulitan yang dihadapinya kerana ketiadaan angin kencang untuk membolehkan kapal layarnya Jalur Gemilang meluncur lancar.

"Azhar berkata kelajuan angin di perairan utara Sumatera cuma antara 3 atau 4 knot saja, sedangkan kelajuan yang diperlukan untuk pelayaran sempurna ialah sekurang-kurangnya 15 knot," katanya.

Ketika dihubungi hari ini, jurucakap itu berkata, setakat jam 4 pagi ini, Azhar perlu menempuh 76 batu nautika lagi sebelum mengubah haluan ke arah pantai timur Sumatera.

Menurutnya, walaupun Jalur Gemilang dilengkapi enjin, ia hanya untuk kecemasan, malah setiap kali penggunaannya pasti diambil kira oleh World Sailing Speed Record Council (WSRC).

Azhar memulakan pelayaran sejurus dilepaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam satu upacara gemilang kira-kira jam 4.30 petang, Selasa lalu.

Sebagai persiapan bagi memastikan pelayaran itu berjalan lancar, beliau membawa bersama makanan seberat dua tan sebagai bekalan sepanjang perjalanannya yang dijangka mengambil masa di antara 100 dan 130 hari.

Antara bekalan yang dibawanya ialah makanan yang sudah siap ditin seperti kacang merah, makanan segera dan air galian untuk mengalas perut sepanjang merentas laut bergelora.

Selain itu, dia turut membawa pakaian khas untuk menghadapi cuaca sejuk setibanya di kawasan tertentu seperti Cape Horn (wilayah Afrika Selatan) dan Cape of Good Hope (wilayah Afrika).

Azhar juga menerima pentauliahannya daripada WSRC untuk pelayaran itu.

Beliau yang berasal dari Perlis akan melalui laluan baru 21,600 batu nautika, yang disahkan WSRC dalam usahanya memecahkan rekod yang dipegang rakyat Perancis, Christophe Auguin yang belayar selama 105 hari, 20 jam, 31 minit dan 23 saat pada 1997 dengan kapal layarnya yang dinamakan Geodis.

Pada 25 Oktober tahun lalu, Azhar belayar dengan kapal layarnya bernilai RM1.8 juta sejauh 10,000 kilometer dari Sydney, Australia ke Pelabuhan Klang.

Jalur Gemilang, direka bentuk oleh pereka kapal layar terkemuka, Scott Jutson. Kapal layar sepanjang 15 meter dan seberat 6.5 tan itu sesuai untuk belayar mengelilingi dunia secara solo.

(END)